



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Kepelbagaiannya bangsa, suku kaum dan etnik menjadikan Malaysia sebagai negara cukup unik.

Di Semenanjung, terdapat bangsa Melayu, Cina, India dan etnik Orang Asli. Di Sabah dan Sarawak pula terdapat suku kaum Iban, Dayak, Melanau, Kadazan, Dusun, Murut, Bajau, Iranun dan Rungus yang semuanya hidup dalam keadaan harmoni.

Bagaimanapun, kepelbagaiannya itu boleh menyebabkan perpecahan atau konflik sekiranya tidak diuruskan dengan baik.

British yang memerintah lebih 100 tahun di Tanah Melayu mengamalkan da-

Membina masyarakat adil, seimbang

sar 'pecah dan perintah'. Ia bukan saja meninggalkan kesan fizikal tetapi turut mempengaruhi pemikiran, sikap dan ideologi.

Ia mewujudkan jurang antara kaum sama ada dari sudut ekonomi dan juga polarisasi kaum. Contohnya, orang Cina ditempatkan di kawasan bandar untuk menjalankan perniagaan serta di kawasan perlombongan bijih timah sebagai pelombong.

Akhirnya, mereka memiliki aset yang tinggi dalam ekonomi masyarakat Malaysia. Sementara itu, orang Melayu dibiarakan tinggal di kawasan luar bandar dan persisiran pantai sebagai petani dan nelayan kecil.

Masyarakat India pula bekerja sebagai buruh kasar dan pekerja di kawasan estet. Walaupun terdapat kegiatan ekonomi sesama Melayu dan India, tetapi ia lebih bertujuan untuk sara diri.

Kedaaan seperti itu menyebabkan kedudukan sosioekonomi tidak seimbang. Pendekatan konsep wasatiyyah dalam pengurusan manusia dan sumber mestilah dilakukan supaya dasar dan perancangan pembangunan negara dapat berjalan baik dan kemakmuran negara dinikmati secara adil dan saksama oleh semua lapisan masyarakat.

Sikap saling tolak ansur, sederhana, adil dan timbang rasa menjadi kata

kunci kepada pimpinan yang mewakili bangsa dan kaum di Malaysia.

Wasatiyyah secara harfiahnya memberikan takrifan 'di tengah-tengah'. Secara konseptualnya pula, wasatiyyah mempunyai maksud sederhana, pertengahan, seimbang, adil dan tidak melampau.

Pendekatan wasatiyyah sudah tentu mempunyai banyak kelebihan mengikut takrifan itu berbanding pendekatan melampau atau keterlaluan.

Antara kelebihan wasatiyyah seperti dinyatakan cendekiawan Islam, Prof Dr Yusuf al-Qaradhawi:

1. Kesederhanaan membawa kepada adil dalam tindakan seseorang.

Pelaksanaan yang adil hanya dapat dilakukan sekiranya kita mengambil pendekatan secara pertengahan dan seimbang antara dua nilai ekstrem seperti sayang lawan benci, sedih lawan gembira dan takut lawan berani.

2. Pelaksanaan pendekatan wasatiyyah perlu dilakukan secara istiqamah. Umat Islam perlu sentiasa istiqamah mengambil pendekatan antara dua nilai ekstrem iaitu golongan yang dimurka Allah yang keterlaluan dalam agamanya dan golongan sesat yang sentiasa mengabaikan dan mempermudahkan perintah Allah.

3. Lambang kebaikan untuk memenuhi tuntutan antara dua ekstrem iaitu antara dunia dengan akhirat, keunggulan dengan realiti, rohani dengan jasmani, kehendak individu dengan jemaah atau masyarakat dan wahyu dengan akal.

4. Dapat mendamaikan pihak yang menggunakan pendekatan yang ekstrem.

5. Lambang kekuatan kerana mendapat dukungan majoriti yang tidak ekstrem.

6. Menjadi asas kepada perpaduan kerana ketautuan tidak terbina dari pada mereka yang ekstrem melainkan golongan ekstrem itu tidak majoriti.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Jabatan Kimia, Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia